



JABATAN PERDANA MENTERI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

SIARAN MEDIA

SPP MEMPERKASA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KOMUNITI, EKOSISTEM PENDIDIKAN KONDUSIF MENERUSI PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI

TANJUNG SEPAT, 13 Disember 2025 - Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) hari ini melancarkan *Kampung Angkat MADANI* dan *Sekolah Angkat MADANI* di Tanjung Sepat, sebuah inisiatif strategik keseluruhannya bernilai **RM1.1 juta** bagi memperkasa pembangunan komuniti serta mengukuhkan ekosistem pendidikan yang lebih kondusif, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Majlis peluncuran disempurnakan oleh **YB Datuk Borhan bin Aman Shah**, EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Sepat.

Di bawah program **Kampung Angkat MADANI**, Kampung Tanjung Sepat telah dipilih sebagai lokasi projek pembangunan dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**. Projek ini meliputi kerja-kerja penyelenggaraan dan rawatan tapak, pembinaan dataran kejut dan tandas awam, pembinaan taman permainan serta pemasangan culvert bagi menambah baik kemudahan asas dan sistem saliran kampung.

SPP turut melaksanakan projek bernilai **RM100,000** di **Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Sepat** yang merangkumi pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung, pemasangan pendingin udara, serta penyediaan smartboard dan smart TV. Inisiatif ini bertujuan menyokong sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berteraskan teknologi, sekali gus meningkatkan keselesaan dan keberkesanan pembelajaran warga sekolah.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, **Md Radzi bin Hashim**, menegaskan bahawa Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI bukan sahaja berfokus kepada menaiktaraf infrastruktur fizikal, malah menyasarkan pembangunan komuniti yang inklusif dan berdaya tahan, dengan roh MADANI sebagai terasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat, Jabatan Kerja Raya Kuala Langat, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Tanjung

Sepat serta Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Sepat atas sokongan padu dan kerjasama strategik sepanjang pelaksanaan projek.

Majlis peluncuran turut dimeriahkan dengan pengisian pelbagai program berbentuk komuniti di samping penyertaan reruai pameran SPP serta rakan-rakan strategik termasuk PERKESO, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Hong Leong Bank, Pusat Wanita Berdaya Selangor dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

SPP kekal komited untuk melaksanakan pembangunan yang holistik dan mampan, demi memberi manfaat berterusan kepada komuniti serta ekosistem pendidikan.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

13 DISEMBER 2025

*** Tamat ***

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Tel: 03-8871 7471

E-mel: pro@spp.gov.my

 www.spp.gov.my  [SPPHQ](#)  [sppmy](#)  [SPPMy](#)

Mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) ditubuhkan di bawah Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan pada 1 Januari 1974 atas syor Laporan Suruhanjaya Diraja Aziz bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik dalam Perkhidmatan Pendidikan. SPP menjalankan tugas untuk mencapai objektif dalam memastikan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan dalam urusan pelantikan, perkhidmatan, tatatertib dan naik pangkat.